



ZULHILMI BIN HAJI JAIDIN

Sejarah Penggunaan Dadah di Brunei

RINGKASAN: Setiap negara di dunia ini tidak terlepas dari menghadapi masalah penggunaan atau penyalahgunaan dadah, termasuklah Brunei Darussalam. Artikel ini dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur mahukan menyentuh dan mengupas sejarah penggunaan dadah di Negara Brunei Darussalam. Penggunaan dadah di negara ini telah mula dicatatkan dalam Laporan Tahunan Brunei (Brunei Annual Report) pada tahun 1906. Pada tahun tersebut Brunei telah mengimport candu bernilai \$6,480. Candu sangat diperlukan oleh tenaga buruh Cina yang bekerja di lombong-lombong arang batu. Setiap tahun, Brunei telah mengimport candu sehingga Kerajaan Residen British pada masa itu telah mengadakan Kedai Candu Kerajaan atau dikenali sebagai Pajak Candu. Disebabkan ramai orang yang menjadi ketagih dadah, enakmen candu diadakan sehingga akhirnya diwujudkan Akta Penyalahgunaan Dadah. Enakmen dan akta tersebut digubal bagi mengurangkan penagih dadah di negara ini. Sememangnya penyalahgunaan dadah adalah sukar untuk dicegah atau diatasi sepenuhnya, akan tetapi ia boleh dikurangkan dengan adanya pengawalan. Pengawalan dilakukan oleh pihak yang berwajib dan dibantu oleh masyarakat. Kawalan secara kolektif mampu mengurangkan penyalahgunaan dadah dari merebak dan berleluasa. Salah satu pengawalan yang dilakukan ialah dengan adanya akta. Di Brunei Darussalam, menyalahgunakan dadah merupakan suatu jenayah yang boleh dihukum mengikut Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27.

KATA KUNCI: Penggunaan dan Penyalahgunaan Dadah; Candu; Enakmen; Akta.

ABSTRACT: "History of Drug Use in Brunei". Every country in this world never miss out from facing drug use or abuse problem, including Brunei Darussalam. This article, using a qualitative approach, historical methods, and literature review, seeks to touch upon and examine the history of drug use in Brunei Darussalam. Drug use in this country was first recorded in the Brunei Annual Report in 1906. In that year, Brunei imported opium worth \$6,480. Opium is much needed by Chinese laborers who is working in a coal mines. Every year Brunei imported opium until the British Resident Government had established a Government Opium Shop or known as the Opium Tax. Due to many people becoming addicted to drugs, the opium enactment was held and eventually the Drug Abuse Act was enacted. The Enactment and act were made to reduce drug addicts in this country. Indeed, drug abuse is difficult to prevent or completely overcome, but it can be reduced with control. Control is carried out by the authorities and assisted by the community. Collective control is able to reduce drug abuse from spreading and becoming widespread. One of the controls carried out is through the existence of an act. In Brunei Darussalam, drug abuse is a crime punishable according to the Drug Abuse Act Chapter 27.

KEY WORD: Use and Abuse of Drug; Opium; Enactment; Act.

About the Author: Dr. Zulhilmi bin Haji Jaidin ialah Pensyarah di Akademi Pengajian Brunei UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tungku Link, Gadong, BE 1410, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: zulhilmi.jaidin@ubd.edu.bn

Suggested Citation: Jaidin, Zulhilmi bin Haji. (2026). "Sejarah Penggunaan Dadah di Brunei" dalam ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Volume 16(1), Juni, pp.61-70. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Suci Foundation dan ASPENSI (Asosiasi Sejarawan dan Pendidik Sejarah Internasional) with print-ISSN 2088-1290 and online-ISSN 2714-6243.

Article Timeline: Accepted (28 April 2026); Revised (29 Mei 2026); Published (30 Juni 2026).

PENGENALAN

Apabila membicarakan tentang dadah, tentu sekali ramai orang yang mengetahui dan mengenalinya. Masalah penyalahgunaan dadah telah lama wujud dan masih berleluasa hingga sekarang. Amat sukar untuk ditentukan atau dipastikan tarikh sebenar manusia mula menggunakan dadah dalam kehidupan, namun dikatakan bahawa manusia telah menggunakan dadah sejak berabad-abad lamanya (Rasmussen, 2000; Sharif et al., 2023).

Walaupun begitu, menurut Hamid Jami & Mohd Fathi'id (1999), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa dadah telah ditemui pada akhir abad ke-6 Hijrah. Manakala Umamah al-Edrus (1995), dan sarjana lainnya, pula mengatakan bahawa di Mesir, dadah ganja telah ditemui pada abad ke-6 Hijrah, iaitu bersamaan dengan abad ke-13 Masihi. Dijelaskan pulak bahawa penyalah-gunaan dadah telah lama wujud sejak beribu tahun dahulu. Ini terbukti bahawa manusia telah mula mengenali dadah sejak 5,000 tahun dahulu. Di antara dadah yang amat dikenali pada ketika itu adalah ganja dan candu (al-Edrus, 1995; Jami & Fathi'id, 1999; Sharif et al., 2023).

Dadah mempunyai pelbagai nama. Nama dadah agak berbeza dari segi penggunaannya pada zaman dahulu hinggalah sekarang. Pada dahulunya, nama dadah yang terkenal dan sering digunakan adalah seperti candu, ganja, heroin, kokain, kodein, morfin, ubat batuk misalnya panikol dan pil-pil seperti roche, valium dan blues. Sekarang ini nama dadah yang terkenal dan sering digunakan adalah seperti ecstasy, syabu, ketum, pil psikotropik, dan amfetamin.

Pada umumnya, terdapat banyak negara yang terlibat dalam menghasilkan atau menjadi negara pengeluar dadah, antaranya seperti Peru, Bolivia, Colombia, Equador, Brazil, Mexico, Jamaica, Morocco, Belize, Amerika Syarikat, Lebanon, dan lain-lain. Manakala negara-negara yang terkenal dengan penghasilan dan pengeluaran dadah di dunia ialah Laos, Thailand, dan Myanmar (Burma), yang dikenali sebagai kawasan "Segi Tiga Emas". Begitu juga dengan negara-negara seperti Afghanistan, Pakistan, dan Iran yang dikenali sebagai kawasan "Bulan Sabit Emas" (Taib, 1991; Musto, 1996).

Dari beberapa buah negara tersebutlah lahirnya atau munculnya dadah. Penghasilan dan pengeluaran dadah yang tidak dikawal rapi dan diusahakan melalui jalan yang tidak sah (tanpa kebenaran pihak berkuasa) menyebabkan dadah tersebut disalah-gunakan. Hal ini mewujudkan penyelewengan dan penipuan dari sudut penghasilan dan pengeluaran dadah tersebut sehingga dadah diedar, diselundup, dan dijual tanpa kebenaran yang sah.

Dadah adalah suatu bahan perubatan dan apabila penggunaannya disalah-gunakan, ia akan mendatangkan keburukan dan bahaya kepada si penggunanya. Menyalah-gunakan dadah merupakan suatu perbuatan yang ditegah dan dilarang, bukan sahaja oleh pakar perubatan dan agama, malah undang-undang sesebuah negara. Masalah penyalah-gunaan dadah sering dan telah berulang kali dibincangkan atau diperdebatkan, baik di dalam negara, luar negara, mahupun di peringkat global.

Namun masalah ini amat sukar untuk dibendung sepenuhnya. Institusi-institusi yang berkenaan, sama ada di dalam negara atau sebuah badan dunia pula, kian giat meningkatkan usaha untuk mencegah dan membasmi masalah dadah, tetapi ia kurang memberi kesan. Masalah ini dapat kita lihat, dengar, dan baca melalui media elektronik dan cetak yang memaparkan banyak tangkapan tentang masalah dadah. Apa yang amat menyedihkan dan mendukacitakan ialah di antara yang ditangkap itu adalah dalam kalangan pesalah dadah berulang.

Artikel ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur (Creswell, 1994; Zed, 2008; Sjamsuddin, 2014) – mahukan menyentuh dan mengupas sejarah penggunaan dadah, khususnya di Negara Brunei Darussalam.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sejarah Penggunaan Dadah di Brunei. Brunei Darussalam bukanlah sebuah negara penghasil dan pengeluar dadah. Dadah didatangkan dari negara luar dan melalui negara yang bersempadan atau dekat dengan negara itu. Dadah diimport bukanlah dengan menggunakan jalan yang sah. Ia didatangkan melalui penyeludupan dan pengedaran yang tersembunyi. Tiga cara dadah dibawa masuk ke Brunei Darussalam secara haram adalah menggunakan jalan udara, laut, dan darat. Lazimnya, dadah diseludup dan diedar masuk ke negara ini melalui jalan darat dan laut. Kaedah penyeludupan melalui jalan darat dan laut dianggap lebih senang, kerana pengawasan sempadan darat dan laut sukar untuk dikawal berbanding menggunakan jalan udara yang dikatakan lebih sukar untuk terlepas daripada kawalan yang rapi dan ketat. Keadaan kemasukan dadah melalui penyeludupan dan pengedaran secara haram serta penjualan dadah dilakukan secara tersembunyi menyebabkan Brunei Darussalam turut terlibat dalam masalah penyalah-gunaan dadah.

Berdasarkan Laporan Tahunan Brunei, 1906 (*Brunei Annual Report*, 1906), penggunaan dadah di Brunei Darussalam mula dapat dikesan pada tahun 1906. Laporan tersebut menyatakan bahawa Brunei telah

mengimport candu bernilai \$ 6,480 (enam ribu empat ratus delapan puluh Dollar). Candu sangat diperlukan pada ketika itu dan jenis dadah ini pertama kali dibawa masuk oleh tenaga buruh Cina yang bekerja di lombong-lombong arang batu. Ganja pula dibawa masuk oleh tenaga buruh India yang bekerja di ladang-ladang getah.¹

Kemasukan tenaga buruh yang didatangkan dari negara China dan India merupakan punca munculnya dadah, seperti candu dan ganja di negara Brunei. Justeru, tabiat menghisap candu dan ganja mempunyai hubungan dengan kemasukan tenaga buruh dari kedua-dua buah negara itu pada abad yang ke-19 Masihi. Selain itu, menurut salah seorang pegawai BKN (Biro Kawalan Narkotik), iaitu Awang Abu Bakar bin Abdul Rahman, menegaskan bahawa pada masa dahulu candu digunakan oleh para pekerja mengangkut barang di pelabuhan, yang digelar sebagai *kulikang*. Pengambilan candu dilakukan bagi mendapatkan tenaga bagi mengangkut barang-barang yang datang dari pelabuhan untuk disimpan di sebuah gudang penyimpanan (Sidhu, 1995; BKN, t.th.).

Permintaan terhadap candu merupakan suatu keperluan kepada penggunaanya. Permintaan terhadap candu dalam bentuk import nyata meningkat. Pada tahun 1907, Brunei mengimport candu berjumlah \$ 4,307; dan pada tahun 1908, ia meningkat kepada \$ 4,893. Hal ini menunjukkan bahawa ramai orang yang menjadi ketagih. Menyedari berlakunya fenomena itu, Kerajaan Brunei yang pada dahulunya bernaung di bawah Residen British telah mengadakan langkah-langkah untuk mengawal import, pengedaran, dan penjualan candu. Kerajaan Residen British mula mengambil-alih tugas mengimport dan menjual candu melalui kedai-kedai candu yang berlesen. Salah satu usaha kerajaan Residen British pada masa itu ialah mengadakan Kedai Candu Kerajaan atau dikenali sebagai Pajak Candu. Kerajaan Residen British telah membenarkan penjualan dan penghisapan candu dan mengenakan cukai kepada penagih-penagih serta pemajak-pemajak candu tersebut (Anonim, 1987).²

Pada tahun 1925, berdasarkan ketetapan Persidangan Geneva mengenai candu, kerajaan Residen British telah mengadakan dan mengenakan sekatan terhadap penghisap candu dengan mengeluarkan satu Enakmen Candu pada tahun 1932. Kerajaan Residen British hanya akan menjual candu kepada penghisap candu yang berdaftar sahaja.

¹Lihat juga, contohnya, "Brunei Annual Report, 1906". *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

²Lihat pula, contohnya, "Brunei Annual Report, 1907". *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis; dan "Brunei Annual Report, 1908". *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

Setelah persidangan kedua diadakan di Geneva, sekatan selanjutnya telah dikenakan terhadap penghisap candu. Pada masa itu, kerajaan Residen British hanya menjual candu kepada mereka yang memerlukannya sahaja, itu pun atas nasihat daripada para doktor atau pakar perubatan.³

Pelbagai enakmen telah dikuat-kuasakan dan dipinda oleh kerajaan Residen British ketika itu demi mengurangkan penyalah-gunaan dan penagih dadah di Brunei. Enakmen Candu 1932 dikuat-kuasakan dan akhirnya dipinda kepada Enakmen Candu 1933. Kemudian Enakmen Candu 1933 dipinda dan dikuat-kuasakan pula Enakmen Candu 1934. Manakala Enakmen Candu 1936 dikuat-kuasakan bertujuan untuk menghadkan pengeluaran dadah berdasarkan persidangan antarabangsa yang berlangsung di Geneva pada 13 Julai 1931.⁴

Satu lagi enakmen telah dikuat-kuasakan bagi pindaan enakmen yang terdahulu, iaitu Enakmen Dadah Berbahaya 1957. Enakmen ini menegaskan bahawa seseorang yang bersalah dalam kesalahan memiliki dan menjadi penagih dadah perlu menerima rawatan di rumah sakit dan jika menjadi mangsa dadah, ia perlu dihantar ke penjara. Pada tahun 1969, seramai 22 orang telah ditangkap atas kesalahan penyalah-gunaan dadah di bawah Enakmen Dadah Berbahaya 1957. Manakala pada tahun 1970, seramai 10 orang telah ditangkap. Laporan tersebut telah menunjukkan bahawa sudah terdapat dan berlakunya penyalah-gunaan dadah pada ketika itu. Walaupun enakmen itu sering mengalami pindaan dari setahun ke setahun, namun ia tetap diselaraskan dari semasa ke semasa mengikut situasi. Hal ini bertujuan untuk mencegah berlakunya penyalah-gunaan dadah di Brunei.⁵

Memandangkan senario penyalah-gunaan dadah sangat membimbangkan, pada tahun 1978 kerajaan Brunei telah menguat-kuasakan satu undang-undang berhubung dengan dadah yang disebut sebagai “Akta Penyalahgunaan Dadah 1978”. Akta itu menegaskan bahawa penggunaan dan pemilikan dadah tanpa kebenaran yang sah merupakan satu kesalahan. Setelah Brunei mencapai kemerdekaan, iaitu pada 1 Januari 1984, Akta Penyalahgunaan Dadah 1978 telah dipinda

³Lihat “Brunei Annual Report, 1932”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

⁴Lihat, conothnya, “Brunei Annual Report, 1933”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis; “Brunei Annual Report, 1934”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis; dan “Brunei Annual Report, 1936”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

⁵Lihat pula, contohnya, “Brunei Annual Report, 1957”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis; dan “Brunei Annual Report, 1970”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

menjadi “Akta Penyalahgunaan Dadah 1984”. Perkara berhubung dengan penyalahgunaan dadah termaktub dalam Penggal 27 pada akta tersebut.⁶

Memandangkan keadaan dunia yang mengalami perubahan, penagih-penagih dadah bukan hanya terdiri daripada orang dewasa. Kini ramai golongan remaja dan belia turut terlibat dalam masalah penyalah-gunaan dadah. Selain itu, jenis dadah yang digunakan bukan saja tertumpu kepada candu dan ganja, tetapi terdapat pelbagai jenis dadah yang lain, seperti morfin, heroin, kodein, nikotin, syabu, ecstasy, dan sebagainya. Dengan itu, Akta Penyalahgunaan Dadah 1984 telah dikuat-kuasakan yang bertujuan untuk memperketatkan lagi undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai dadah demi mengelak atau mencegah masyarakat di negara ini daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Akta tersebut digunakan sehingga kini (Anonymous, 1984).⁷

Akta Penyalahgunaan Dadah 1984, Penggal 27, ialah undang-undang yang utama bagi kesalahan penyalahgunaan dadah di Brunei Darussalam. Akta ini merangkumi kawalan dadah termasuk dadah narkotik dan psiaikotropik (*psychotropic*). Undang-undang ini memperuntukkan semua kesalahan dadah sebagai kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran; dan undang-undang ini menyediakan hukuman bagi setiap kesalahan. Akta ini dirujuk kepada sesiapa yang melakukan kesalahan penyalahgunaan dadah, baik bagi kesalahan pertama mahupun kesalahan berulang (*Ibidem nota kaki 7*).

Pindaan terakhir akta ini berlangsung pada 23 November 1998, dengan pindaan dadah jenis *methyldamphetamine* (syabu) daripada dadah Kelas B kepada dadah Kelas A. Pindaan pada akta ini berlaku disebabkan oleh meningkatnya masalah penyalah-gunaan dadah atau jumlah penagih dadah ataupun pengedar dadah jenis ini (*methyldamphetamine*) di Brunei Darussalam.⁸

Pada kebiasaannya, di Brunei Darussalam, kesalahan yang sering dilakukan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27 meliputi lima seksyen utama. Seksyen 3[a] khusus bagi sesiapa yang mengedar dadah yang dikawal; Seksyen 3A khusus bagi sesiapa yang memiliki dadah bagi tujuan mengedar; Seksyen 6(a) khusus bagi sesiapa yang memiliki dadah yang dikawal; Seksyen 6(b) khusus bagi sesiapa yang memakan dadah;

⁶Lihat pula “Akta Penyalahgunaan Dadah 1978”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis; dan “Akta Penyalahgunaan Dadah 1984”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

⁷Lihat semula “Akta Penyalahgunaan Dadah 1984”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

⁸Lihat pula “Perintah Akta Penyalahgunaan Dadah (Pindaan), 2012”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

dan Seksyen 7 khusus bagi sesiapa yang memiliki perkakas-perkakas yang digunakan bagi memakan atau menghisap dadah. Kelima-lima seksyen ini mempunyai hukuman-hukuman yang tertentu; dan bagi Seksyen 6(a) dan 6(b) hukumannya bergantung pada jenis dadah yang digunakan mengikut beratnya. Begitu juga Seksyen 3[a] dan 3A, malah hukuman bagi kedua seksyen ini jika didapati bersalah, maka pesalah akan digantung sampai mati (BKN, t.th.; *Ibidem* nota kaki 8).

Selain itu, Perintah Darurat (Pengedaran Dadah), (Mendapatkan Kembali Hasil) 1996, telah berkuatkuasa pada 30 Mac 1996. Perintah ini menyediakan peruntukan bagi mendapatkan kembali hasil daripada pengedaran dadah dan peruntukan-peruntukan lain berhubung dengan pengedaran dadah. Dalam erti kata lain, perintah itu telah memperuntukkan bahawa semua harta benda yang diperolehi hasil pengedaran dadah boleh dirampas oleh kerajaan.⁹

Sama seperti negara-negara lain di dunia, Brunei Darussalam mempunyai institusi mahkamah yang berperanan untuk menegakkan keadilan dalam hal menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Di Brunei Darussalam, pihak mahkamah membuat keputusan bagi menentukan sama ada seseorang pesalah dadah dimasukkan ke dalam penjara atau ke pusat pemulihan dadah. Seseorang yang dimasukkan ke pusat pemulihan dadah, Rumah Al-Islah, adalah berdasarkan kepada tiga cara, iaitu melalui Perintah Mahkamah (Bab 29[4] / Bab 25[2]), Perintah Menteri (Bab 33[2] / Bab 18[1]; dan Sukarela Bab 33[4] / Bab 18[2]). Manakala seseorang pesalah (dalam apa-apa jenis kesalahan) yang dimasukkan ke penjara adalah berasaskan kepada Perintah Mahkamah (Maidin, Lakim & Latif, 1999).

Walaupun undang-undang jenayah dan sistem hukuman telah lama diwujudkan, sebilangan pesalah seolah-olah tidak peka kepada hukuman dan denda yang dikenakan. Sesetengah mereka masih melakukan jenayah bagaikan tidak serik dengan hukuman yang telah mereka alami. Kini, penyalahgunaan dadah bukan lagi dianggap suatu isu kecil, malah ia sudah menjadi suatu masalah besar yang melanda banyak negara (Maidin, Lakim & Latif, 1999).

Negara Brunei Darussalam misalnya, masalah penyalahgunaan dadah di negara ini dianggap serius dan meruncing. Ramai yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah telah ditangkap oleh BKN (Biro Kawalan Narkotik). Buktinya sahaja pada tahun 2002, seramai 713 orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah telah ditangkap, iaitu seramai 629 lelaki dan 84 perempuan berbanding pada tahun 2004, iaitu seramai

⁹Lihat, contohnya, Berita dalam akhbar *Media Permata*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10-11 Februari 2001.

609 orang kesemuanya iaitu seramai 514 lelaki dan 95 perempuan. BKN juga mencatatkan peningkatan jumlah pesalah dadah yang jatuh hukuman. Pada tahun 2002, seramai 278 orang pesalah dadah telah dijatuhi hukuman, iaitu seramai 247 lelaki dan 31 perempuan, berbanding pada tahun 2004, seramai 250 pesalah dadah kesemuanya iaitu 220 lelaki dan 30 perempuan. Sebahagian besar pesalah dadah itu terdiri daripada golongan belia dan dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan (BKN, 2005a).

Daripada jumlah tangkapan dan pesalah dadah setiap tahun terdapat pula mereka yang mengulangi perbuatan menyalahguna dadah. Tangkapan berulang yang dilakukan oleh BKN didapati meningkat pada tahun 2003. Jumlah tangkapan berulang adalah seramai 338 orang berbanding pada tahun 2002, iaitu seramai 295 orang. Begitu juga halnya dengan jumlah pengawasan berulang (kemasukan ke skim pengawasan yang dipanggil OYDP (Orang Yang Dibawah Pengawasan), yang sebahagian besarnya terdiri daripada penghuni Pusat Al-Islah dan banduan dadah yang telah dibebaskan. Jumlah pengawasan berulang pada tahun 2002 ialah seramai 70 orang dan ia meningkat pada tahun 2004 iaitu seramai 86 orang. Jumlah pengawasan berulang yang didapati bagi tempoh tiga tahun kebelakangan iaitu bermula pada tahun 2002 hingga 2004 adalah seramai 253 orang (BKN, 2005b).

Manakala perangkaan yang diperolehi daripada Jabatan Penjara Jerudong tentang masalah residivisme penyalahgunaan dadah dalam kalangan banduan juga telah menunjukkan peningkatan. Pada 3 Jun 2004, jumlah banduan yang berulang akibat kesalahan penyalahgunaan dadah ialah seramai 107 orang, yang terdiri daripada kaum lelaki sahaja. Masalah ini ketara peningkatannya pada tahun 2005 iaitu terdapat sejumlah 137 banduan berulang, iaitu 133 lelaki dan empat perempuan. Secara khususnya, jenis dan nama dadah yang paling popular digunakan oleh penagih dadah di Brunei Darussalam pada masa ini adalah dadah dari jenis perangsang (*stimulants*) iaitu dadah syabu atau nama saintifiknya iaitu *methyamphetamine*.¹⁰

RUMUSAN

Penyalahgunaan dadah bukanlah suatu masalah sosial yang baru malah ia sudah lama wujud berabad lamanya dan semua negara tidak terlepas dari menghadapinya termasuklah Negara Brunei Darussalam.

¹⁰Lihat pula, contohnya, "Unit Rekod Penjara Jerudong, Jun 2004". *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis; dan "Unit Rekod Penjara Jerudong, Mac 2005". *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

Sejarah telah membuktikan bahawa penggunaan dadah di negara ini berlaku berdasarkan kepada bukti laporan dan statistik rasmi yang telah direkodkan.

Sememangnya penyalahgunaan dadah adalah sukar untuk dicegah atau diatasi sepenuhnya akan tetapi ia boleh dikurangkan dengan adanya pengawalan. Pengawalan dilakukan oleh pihak yang berwajib dan dibantu oleh masyarakat. Kawalan secara kolektif mampu mengurangkan penyalahgunaan dadah dari merebak dan berleluasa. Salah satu pengawalan yang dilakukan ialah dengan adanya akta. Di Brunei Darussalam, menyalahgunakan dadah merupakan suatu jenayah yang boleh dihukum mengikut Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27.

Referensi

- “Akta Penyalahgunaan Dadah 1978”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Akta Penyalahgunaan Dadah 1984”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- al-Edrus, Umamah. (1995). *Hidupku Sejernih Embun: Tanpa Dadah, Tanpa Arak, Tanpa Rokok*. Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda.
- Anonim. (1987). *Buku Rencana Sempena Upacara Perlancaran Kempen Anti-Dadah Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: t.pt. [tanpa penerbit].
- Anonymous. (1984). *The Laws of Brunei Darussalam*. London: Eyre & Spottiswoode.
- Berita dalam akhbar *Media Permata*. Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 10-11 Februari 2001.
- BKN [Biro Kawalan Narkotik]. (2005a). *Statistik Biro Kawalan Narkotik, 2005*. Bandar Seri Begawan: Biro Kawalan Narkotik.
- BKN [Biro Kawalan Narkotik]. (2005b). *Statistik Biro Kawalan Narkotik, Ogos 2005*. Bandar Seri Begawan: Biro Kawalan Narkotik.
- BKN [Biro Kawalan Narkotik]. (t.th.). *Dadah: Kesan Penggunaan dan Hukumannya*. Bandar Seri Begawan: Cawangan Bimbingan Kemasyarakatan dan Pendidikan Pencegahan Dadah.
- “Brunei Annual Report, 1906”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Brunei Annual Report, 1907”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Brunei Annual Report, 1908”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Brunei Annual Report, 1932”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Brunei Annual Report, 1933”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Brunei Annual Report, 1934”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.

- “Brunei Annual Report, 1936”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Brunei Annual Report, 1957”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Brunei Annual Report, 1970”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.
- Jami, Hamid & Mohd Fathi'id. (1999). *Dadah dari Perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Yayasan Islam Terengganu.
- Maidin, Saini bin Haji, Omar bin Haji Lakim & Jasni bin Haji Abdul Latif. (1999). *Satu Kajian Penelitian dari Sudut Sebab-Musabab Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Penghuni Masuk Berulang-ulang Kali ke Pusat Rawatan dan Pemulihan Dadah Rumah Al-Islah*. Bandar Seri Begawan: t.p. [tanpa penerbit].
- Musto, David F. (1996). “Penelitian Penyalahgunaan Narkoba dalam Perspektif Sejarah”. Wujud secara online di: <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/books/NBK232965/> [dilayari di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 20 Mei 2024].
- “Perintah Akta Penyalahgunaan Dadah (Pindaan), 2012”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- Rasmussen, S. (2000). *Addiction Treatment: Theory and Practice*. Beverly Hills, California: Sage Publication, Inc.
- Sharif, Nur Sofia Nasuha Mohd et al. [Mohd Khairul Amri Kamarudin, Mohd Syaiful Nizam Abu Hassan, Tepvisit Potikengrith & Kanittha Lertbunchardwong]. (2023). “Promoting Factors to Relapse among Drug Addicts: A Review” in *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Volume 13(5), pp.24-35. Available online also at: https://hrmars.com/papers_submitted/16994/promoting-factors-to-relapse-among-drug-addicts-a-review.pdf [accessed in Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: May 20, 2024].
- Sidhu, Jatswan S. (1995). *Sejarah Sosio-Ekonomi Brunei, 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sjamsuddin, Helius. (2014). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Taib, Abdul Ghafar. (1991). *Dadah: Strategi dan Kawalan di Sekolah-sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- “Unit Rekod Penjara Jerudong, Jun 2004”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- “Unit Rekod Penjara Jerudong, Mac 2005”. *Arkib Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Wujud copy-nya pada Penulis.
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].